

## MASJID MENJANA PEMBENTUKAN BELIA RABBANI

BANI HIDAYAT MOHD SHAFIE, NOR HAYATI FATMI TALIB,  
AB. HALIM TAMURI & AHMAD TARMIZI TALIB

### ABSTRAK

*Masjid merupakan salah satu institusi yang berperanan sebagai tempat peribadatan dan pusat pengembangan ilmu pengetahuan. Masjid juga merupakan rumah ibadah bagi umat Islam untuk mengerjakan solat berjemaah di samping dapat mengukuhkan ukhuwah Islamiah sesama Islam. Masjid juga adalah merupakan sebuah institusi pendidikan Islam yang menawarkan pelbagai pengajian ilmu berkaitan Islam untuk setiap lapisan umur dan kedudukan dalam kalangan masyarakat Islam. Oleh itu, segala aktiviti anjuran masjid seharusnya mendapat perhatian dan sokongan dari segenap lapisan masyarakat terutamanya para belia. Namun, aspek pengimarannya masih belum disemarakkan lagi dan masih memerlukan sokongan dari semua pihak. Justeru, masjid bukan hanya untuk golongan tertentu sahaja tetapi memerlukan penglibatan semua pihak untuk bersama-sama mengimararkannya agar fungsi sebenar masjid untuk melahirkan para belia rabbani akan tercapai.*

**Kata Kunci:** Masjid, Belia, Pendidikan Islam

### ABSTRACT

*Mosque plays an important role as a knowledge spreading institution besides its main role as a place for worship. It serves the purpose of “ the house of God “ i.e a place for Muslims to perform their prayers in unison, where the relationship and bond among Muslims are strengthened. Mosque can also be an institution that provides Islamic education and trainings to the Muslims regardless of their age and social background. Therefore, it is vital that activities which are organized and carried out to supported by society, in particular the youth. However, these objectives have not yet been optimally met. Hence, the mosque is not particularly meant for certain group of people, and it requires the supports and participations from the society so that the main function of a mosque in producing outstanding and pious youth can be achieved.*

**Keywords:** Mosque, Youth , Islamic Education

## PENGENALAN

Kegemilangan sesebuah tamadun tidak akan tercapai tanpa sokongan para belia yang bercirikan rabbani yang mempunyai akhlak yang kukuh dan padu. Keadaan ini dapat dijelmakan melalui pembinaan belia rabbani melalui institusi masjid. Penulisan ini akan menumpukan kepada aspek peranan masjid dalam pembentukan belia rabbani. Pembentukan rohani, emosi, intelek dan jasmani perlu bersepadu dan beriringan agar kehidupan para belia mampu berjalan dengan sempurna dan terbentuk akhlak belia rabbani. Pembangunan manusia rabbani ialah membangunkan manusia ke arah kehidupan yang direzki Allah (Sidek Baba 2006). Justeru, pembangunan belia rabbani ialah proses membentuk akhlak belia agar selari dengan kehendak al-Quran dan al-hadis agar mereka sentiasa, tunduk, patuh dan taat kepada perintah Allah S.W.T. Rasulullah s.a.w. sendiri menerima asuhan dan didikan yang bersifat rabbani sehingga peribadinya terbentuk dengan akhlak rabbani. Al-Quran menjadi asas utama pembentukan akhlak yang paling terpuji. Pengimarahannya sesebuah masjid oleh belia merupakan cabaran yang sangat hebat dan besar dalam usaha untuk membentuk belia rabbani.

Sejarah Islam telah membuktikan bahawa Rasulullah s.a.w. telah berjaya melahirkan para sahabat yang mampu mewarisi dan meneruskan kesinambungan dakwah Islamiah bagi memastikan Islam mampu bertahan sehingga ke akhir zaman. Sahabat-sahabat yang awal memeluk Islam adalah di kalangan para belia yang mempunyai semangat juang dan pengorbanan yang tinggi bersama Rasulullah s.a.w. demi mendaulatkan Islam di muka bumi ini. Justeru, golongan belia merupakan golongan yang majoriti dalam masyarakat sekarang ini perlu dididik dan dibentuk agar mereka akan lahir sebagai generasi al-Quran yang syumul. Menyedari keperluan ini, golongan belia perlu didedahkan dengan sistem dan tasawwur Islam yang sebenar bersesuaian dengan arus pemodenan yang sangat pesat dan mencabar ini. Pihak pengurusan masjid perlu memikirkan secara kritis dan kreatif aktiviti-aktiviti untuk golongan belia yang diselaraskan dengan keperluan semasa oleh kedua belah pihak iaitu pengurusan masjid dan golongan belia. Kemampuan merungkakan persepsi negatif golongan belia terhadap fungsi masjid merupakan kejayaan besar yang akan dinikmati oleh golongan belia itu sendiri.

### ***Definisi Masjid***

Menurut Kamus Dewan (2005) ,masjid bermaksud, bangunan khas tempat orang Islam beribadat. Menurut Muhammad (t.th), masjid menurut bahasa ialah al-Khumrah yang membawa erti hamparan (tikar) yang kecil. Perkataan masjid diambil dari kata kerja bahasa Arab iaitu sajada bererti sujud, maka

salah satu makna masjid ialah tempat sujud. Menurut kamus al- Munjid (2001) , masjid dari segi bahasa bermaksud tempat sujud. Manakala menurut Muhammad Rawwas Qalaji et al. (1985) dalam kitab Mukjam al-Lughah al-Fuqaha, menyatakan bahawa masjid ialah sesuatu tempat yang dihaskan untuk umat Islam menunaikan solat secara berkekalan dan berterusan.

Perkataan masjid dalam bahasa Arab juga bermaksud tempat beribadah kerana ia berasal dari perkataan sajada, yasjudu, sujudan yang membawa erti tempat sujud atau tempat ibadah. Perkataan masjid kini menjadi konotasi sebuah bangunan yang digunakan sebagai tempat sembahyang orang-orang Islam. Siti Mashitoh (2004) mendefinisikan masjid sebagai bangunan yang digunakan bagi sembahyang Jumaat, sembahyang-sembahyang lain dan kegiatan-kegiatan lain yang dibenarkan oleh Islam. Definisi masjid juga selari mengikut pandangan Frishman dan Khan (2002) bahawa masjid adalah tempat bagi orang-orang Islam berkumpul dan menunaikan ibadat dan juga digunakan untuk menunaikan solat Jumaat pada hari Jumaat.

Masjid juga kadang-kadang dinamakan ‘jamik’ atau tempat berkumpul, tinggalan sebutannya masih ada pada masjid, seperti yang diloghatkan ke bahasa Melayu sebagai Masjid Jamik iaitu konotasi masjid besar atau masjid yang mana diiktiraf imam mengendali sembahyang Jumaat. Dalam bahasa Inggeris pula, perkataan masjid didefinisikan sebagai ‘mosque’ yang diambil dari perkataan Perancis iaitu ‘mosquee’ yang mana ia pula diambil dari perkataan Sepanyol iaitu ‘mezquita’. Manakala dalam istilah Sepanyol itu pula adalah hasil dari terjemahan perkataan Arab ‘masjid’ yang dikatakan dari perkataan orang Aramaic iaitu ‘masedgha’. Menurut Abdul Halim Nasir (1984), Perkataan masjid pula dalam sebutan loghat orang-orang Melayu di Semenanjung ialah ‘mesjid’, dan orang-orang Melayu berketurunan Bugis (Sulewesi) di Johor dan perak pula menyebut masjid sebagai ‘masigi’. Orang-orang Melayu keturunan Acheh di Kedah dan Perak masih memanggil masjid sebagai ‘menseugit’, begitu juga orang-orang Melayu keturunan Jawa pula lebih senang menyebut ‘maesigit’. Baik apa pun panggilan dalam loghat kedaerahan, namun perkataan masjid adalah nama yang sering disebut oleh seluruh umat Islam di Malaysia khususnya di Semenanjung.

Pada zaman Rasulullah S.A.W. perkataan masjid juga membawa makna rumah ibadat atau rumah tuhan seperti kuil, gereja dan sebagainya. Terdapat juga ayat lain yang ditafsirkan membawa maksud masjid sebagai rumah tuhan atau rumah ibadah penganut agama selain Islam iaitu (al- Haj 22;40). Perkataan masjid dalam konteks ayat ini ditafsirkan sebagai rumah ibadah penganut selain Islam pada waktu itu kerana tidak wujud ‘masjid-masjid Islam’ yang

berupa bangunan tersendiri. Menurut Mohamad Tajudddin (2000), selepas lebih 1400 tahun, beberapa jenis masjid telah berkembang kepada lima jenis iaitu masjid suci (sacred mosque), masjid komuniti, madrasah, musolla dan memorial mosque. Terdapat beberapa jenis masjid sebagai sebuah bangunan peribadatan. Jenis pertama ialah masjid suci. Bagi masjid suci, terdapat tiga masjid yang dianggap suci iaitu masjid Haram, masjid Nabawi dan masjid Aqsa. Manakala kategori kedua adalah masjid yang tidak boleh dianggap suci. Terdapat masjid yang dibina sebagai masjid-makam, masjid-madrasah, masjid-biara, masjid-ribat, musolla, Jamik dan masjid. Masjid-makam adalah perkara yang kontroversi dalam Islam, masjid-madrasah berperanan sebagai institusi pendidikan yang formal, masjid-biara diwujudkan sesetengah golongan sufi yang beruzlah mengasingkan diri dari masyarakat, masjid-ribat dikatakan sebagai kota kecil perkhemahan askar Islam di perbatasan.

Dari perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa umat Islam bebas untuk bersujud kepada Allah S.W.T. di muka bumi, kerana semua tempat (muka bumi ini) adalah tempat sujud (kepada Allah) asalkan tempat tersebut suci daripada najis. Walau bagaimanapun, pengertian masjid pada hari ini bermaksud suatu binaan atau bangunan yang diperbuat daripada kayu atau batu yang dijadikan sebagai tempat umat Islam mengerjakan ibadat sembahyang Jumaat dan berjemaah serta lain-lain kegiatan agama di dalamnya.

### ***Takrif Belia Rabbani***

Belia ialah orang yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, dari segi strategi pelaksanaan program dan orientasi aktiviti, tumpuan utama ialah mereka yang berumur 18 hingga 25 tahun (Dasar Pembangunan Belia Negara 1997). Sebenarnya, Dasar Pembangunan Belia Negara 1997 diperkenalkan hasil usaha kajian semula ke atas Dasar Belia Negara 1985 yang sedia ada. Menurut Mohd Jamil (1994), Perhimpunan Agung Majlis Belia Malaysia (MBM) pada 28 hingga 30 April 1978 di Kuala Lumpur mencadangkan supaya MBM dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) merangka Dasar Belia Negara berdasarkan prinsip-prinsip tertentu. Natijahnya, Dasar Belia Negara dibentuk dan diluluskan oleh Kabinet Malaysia pada 18 Disember 1985 (Mohamad Razali Harun dan Sarjit S. Gill, 2010).

Manakala Rabanni berasal dari perkataan Arab. Kata dasarnya ialah Rab, kemudian dikembangkan menjadi Rabbi, Rabbuna, Rabbaniyun dan lain-lain (Ibnu Manzur t.th). Semuanya merujuk kepada Tuhan yang Maha Esa. Ini menjelaskan pengiktirafan manusia dari aspek kepatuhan, tunduk, akur dan taat hanya kepada Allah yang Esa. Rumusannya belia rabbani bermaksud mereka yang mukalaf iaitu orang yang sudah cukup umur dan diwajibkan mematuhi hukum-hakam Islam serta

dipertanggungjawabkan ke atas segala tingkah laku serta perbuatan mereka. Mereka adalah belia yang tunduk dan patuh segala perintah Allah s.w.t. dan menigggal segala larangannya.

### ***Peranan Masjid Dalam Pendidikan Islam***

Sebagai seorang muslim, kita seharusnya meyakini bahawa guru yang pertama mengajar pendidikan Islam ialah Muhammad bin Abdullah bin Abdul Muttalib, iaitu Rasulullah s.a.w. iaitu rasul yang terakhir yang diutus di tanah Arab, yang dikenali sebagai Nabi Muhammad s.a.w.. Pada zaman Makkah, baginda s.a.w.. mengajar di rumahnya dan di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam (Muhammad Husain Haykal, 1976;Shalaby, 1981). Setelah berhijrah ke Madinah al-Munawwarah, baginda bersama para sahabatnya berjaya membina sebuah masjid di Madinah yang dikenali sebagai Masjid al-Nabawi. Inilah institusi pendidikan Islam yang pertama yang diuruskan secara formal untuk orang Islam. Masjid ini Nabi Muhammad s.a.w.. mengajar para sahabat setiap hari mengenai ilmu-ilmu Islam termasuk hukum hakam, aqidah dan sebagainya. Manakala bagi kaum wanita Rasulullah berjumpa dengan mereka seminggu sekali iaitu pada hari Jumaat (Kinnany,1980). Biasanya Rasulullah s.a.w. membaca ayat-ayat suci al-Quran dan menghuraikan maknanya. Inilah kurikulum pendidikan Islam pada masa itu.

Masjid dan agama Islam diibaratkan seperti irama dan lagu yang tidak boleh dipisahkan. Masjid adalah lambang kepada perhubungan antara manusia dan Allah S.W.T. Dalam sejarah Islam, masjid merupakan satu institusi yang amat penting. Masjid bukan sekadar merupakan satu tempat bagi umat Islam melakukan ibadat-ibadat khusus seperti sembahyang, membaca al-Qur'an, berzikir dan seumpamanya, bahkan ia telah dijadikan pusat pembangunan masyarakat Islam yang lebih menyeluruh (Al-Azawe, Abed Al-Sater ,1998). Oleh kerana itulah usaha pertama yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. untuk membentuk masyarakat dan negara Islam di Madinah ialah mendirikan masjid. Masjid Nabawi di Madinah telah menjadi nadi kepada segala kegiatan penting di zaman Rasulullah s.a.w., di mana baginda mendidik umatnya supaya dapat mengatur urusan hidup dan urusan agama pada peringkat individu, keluarga, masyarakat dan negara. Lantaran itu, masjid telah memainkan peranan yang amat luas yang mencakupi aspek-aspek ibadat, ilmu, politik, ekonomi, ketenteraan, pentadbiran, pembentukan dasar negara, perhubungan antara negara dan sebagainya. (Seragaldin and Steele 1996) .

Zaman Rasulullah s.a.w. terdapat banyak proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam berlangsung di masjid (Lokman Ab Rahman, 2000 ; Mohd Yusof ,2004; Kamarul Azmi dan Ab. Halim ,2007). Rasulullah s.a.w. mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran di masjid. Tempat pengajaran dan pembelajaran ini diadakan di anjung masjid yang digelar *al-Suffah* (al-Naqib, 1984). Mereka yang

belajar di sini digelar Ahlu *al-Suffah*. Mata pelajaran yang diajar di sini bukan sahaja membaca al-Quran, malah termasuk juga sejarah, syair, akhlak, bahasa dan lain-lain (Abdullah Ishak 1985). Menurut al-Ansari (1993) menyatakan bahawa terdapat 20 mata pelajaran yang diajar di Masjid al-Nabawi pada zaman Rasulullah S.A.W.. Ini termasuklah Ilmu al-Fasahah wa al-Balaghah, geografi, Kesihatan, Bacaan dan tulisan, Hisab, perubatan dan lain-lain. Ini jelas menunjukkan bahawa Masjid al-Nabawi telah menjadi pusat pendidikan Islam yang pertama dan terulung di dalam lipatan sejarah Islam.

Menurut Che Norliza Sulong (2004), fungsi masjid ketika itu amat besar sekali. Masjid melambangkan kesepaduan dalam urusan dunia dan akhirat. Masjid zaman rasulullah s.a.w. telah memainkan beberapa fungsi seperti berikut:

- 1) Tempat sembahyang, zikir, iktikaf, tafakur dan sebagainya
- 2) Tempat/ pusat konsultasi dan komunikasi (masalah ekonomi, sosiobudaya dan sebagainya)
- 3) Tempat/pusat pendidikan (dari tradisi halaqah hinggalah ke universiti)
- 4) Tempat pemupukan tatacara dan kerjasama masyarakat
- 5) Tempat latihan ketenteraan dan persiapan peralatannya
- 6) Tempat perawatan dan pengubatan mangsa peperangan
- 7) Tempat pengadilan dan perdamaian persengketaan
- 8) Tempat menerima tetamu
- 9) Tempat menawan tahanan
- 10) Tempat atau pusat penerangan dan pembelaan agama

Menurut Lokman Abd Rahman dan Musa Ahmad (1996), peranan masjid bertambah sebagai tempat perisytiharan khalifah, Saidina Abu Bakar r.a. menerima pelantikan ba'iah khalifah pertama di masjid, keputusan memerangi orang murtad yang enggan mengeluarkan zakat di zaman Abu Bakar r.a. dibuat di masjid. Masjid turut dijadikan sebagai tempat untuk menaikkan taraf umat Islam dalam ilmu pengetahuan dan berakhlak mulia, masjid adalah suatu tempat untuk menyampaikan ilmu pengetahuan. Menurut Shaikh Ali (2003) bahawa Islam tidak membataskan risalah masjid hanya untuk menunaikan solat lima waktu sahaja, malahan Rasulullah s.a.w. mahukan masjid memainkan peranan yang positif dan dinamik di atas suatu matlamat yang suci iaitu memberi khidmat kepada masyarakat Islam sejagat.

Daripada aspek sejarah, masjid juga merupakan pusat pendidikan yang dianggap penting kepada para sahabat mencurahkan ilmu-ilmu Islam kepada masyarakat ketika itu. Dapat diklasifikasikan, fungsi masjid pada zaman ini dibahagikan kepada dua; pertama, sebagai pusat ibadat solat, membaca al-Quran, bertadarus, mengutip zakat, beriktikaf, berzikir dan segala bentuk ibadat untuk mendekatkan diri kepada

Allah. Kedua, masjid sebagai pusat pendidikan dan pengajaran, tempat pengadilan, pusat pentadbiran, tempat angkatan tentera berkumpul mengatur strategi sebelum memulakan peperangan dan tempat menyebarkan informasi. Adnan (2009) menyokong pendapat ini menyatakan bahawa masjid adalah institusi sosial tidak formal semenjak kesultanan Melaka berasaskan pengajian Islam, pembelajaran seni mempertahankan diri, penerapan nilai-nilai dan menyediakan ruang untuk saling mengenali di antara satu sama lain melalui aktiviti yang fleksibel.

Hassan Langgulung (1977) menyatakan bahawa pendidikan Islam di masjid adalah perkaitan untuk melaksanakan tuntutan syariat yang meliputi aspek akidah, ibadah dan akhlak yang merangkumi aspek fardu ain dan fardu kifayah. Beliau menyatakan bahawa masjid sesuai dijadikan institusi pendidikan kerana untuk keluar masuk ke masjid tidak perlu meminta kebenaran berbanding dengan sejarah awal pendidikan Rasulullah s.a.w. yang menjadikan rumah al-Arqam bin Abu Al-Arqam sebagai tempat umat Islam berkumpul. Masjid Nabawi merupakan masjid pertama yang disambungkan dengan Suffah supaya umat Islam dapat berbincang dalam soal pentadbiran kemasyarakatan. *Al-Suffah* juga dianggap sebagai struktur pengajian yang lebih sistematik dan formal.

Setelah kewafatan Rasulullah S.A.W., pendidikan Islam di masjid telah diteruskan oleh Para Khulafa' Rasyidin terutamanya khalifah Umar al-Khatab. Para sahabat juga memperkenalkan pengajian di masjid dengan memberi penekanan pengajian ilmu Islam yang berkaitan hukum-hukum agama, prinsip Islam dan akidah, Bahasa Arab, nahu, balaghah dan sebagainya. Pengajian tersebut dilaksanakan dalam bentuk *halaqah* iaitu sistem di mana pelajar akan duduk dalam satu bulatan bersama guru. Pengajian di masjid ini adalah kesinambungan daripada pengajian *khuttab* (pengajian rendah). Setelah tamat pengajian *khuttab*, kanak-kanak akan menyambung pengajian mereka di masjid (Mohd Yusof 2004). Semasa pemerintahan Khalifah 'Umar al-Khattab, baginda telah memerintah gabenor-gabenornya di Basrah, Kufah, Sham dan Mesir supaya membina masjid bagi tujuan ibadat, khususnya solat Jumaat, dan juga untuk diadakan majlis-majlis pengajian ilmu di dalamnya. Al-Suyuti (911H) meriwayatkan bahawa Masjid Ahmad bin Tulan merupakan salah sebuah pusat pengajian yang terkenal di Mesir. Antara pelajaran yang diajar di masjid tersebut ialah ilmu tafsir, hadis, fikah dalam empat mazhab, bacaan al-Qur'an (*qira'at*) dan perubatan. Ianya merupakan sebuah masjid yang besar dan indah, di mana terdapat tempat penginapan di dalamnya berserta makan dan minum juga disediakan untuk orang yang bermusafir.

Institusi masjid terus diberi peranan sebagai wadah pendidikan Islam bagi umat Islam. Ramai ulama, sama ada yang dihantar oleh pemerintah atau secara sukarela mengajar di masjid-masjid. Menurut Ayub Ali (1980) dan Hatim Mahamid (2009)

mereka menggunakan masjid sebagai tempat ibadat dan pendidikan Islam. Terdapat dari kalangan mereka itu adalah sahabat Rasulullah S.A.W. Mereka mengajar di Masjid Madinah seperti Abdullah bin Umar, Zaid bin Thabit, Jabir bin Abdullah dan Siti Aishah. Abdullah bin Abas mengajar di Masjid Makkah, Abdullah bin Mas'ud mengajar di Masjid Kufah, Abu Musa al-As'ari mengajar di Masjid Basrah dan Abu Darda' mengajar di Masjid Damsyik.

Rumusannya, masjid sangat penting dalam pendidikan Islam dan ia merupakan *'one stop centre'* (pusat kepelbagaian aktiviti) bagi umat Islam di dalam memperkembangkan bakat dan ilmu pengetahuan mereka. Kepentingan masjid dalam Islam amatlah besar sekali seumpama nyawa kepada jasad manusia, sekiranya badan tiada nyawa maka jasad akan kaku dan tidak berguna lagi. Begitulah perumpamaan masjid dalam Islam.

### ***Kepentingan Pengimarahannya Masjid Oleh Belia***

Pengimarahannya sesebuah masjid merupakan cabaran yang sangat besar untuk menjadikannya sehati dalam diri golongan belia (Maimon Aqsha, 2010). Kepentingan pengimarahannya masjid khususnya dalam aspek pendidikan Islam akan dapat melahirkan pembentukan belia rabbani. Antara kepentingannya pengimarahannya seperti berikut:

#### ***i. Pengimarahannya bukti keimanan***

Seseorang belia yang berusaha mengimarahkannya masjid adalah bukti kesungguhannya terhadap keimanan. Iman akan bertambah dengan ketaatan yang dilakukan melalui pengimarahannya. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud :

*“Hanya yang layak memakmurkannya (menghidupkannya masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan solat dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk”.*

(surah at-Taubah:18)

Menurut tafsir al-Baidawi, *imarah* itu bermaksud membinanya dengan harta yang halal, mendirikan sembahyang di dalamnya, dianjurkan melakukan amalan-amalan masjid yang lain. Usaha mengimarahkannya masjid juga bererti melakukan usaha-usaha seperti menghiaskan dengan hamparan, menyalakan lampu-lampunya, melakukan ibadat-ibadat zikir kepada Allah, melaksanakan pengajian ilmu-ilmu di dalamnya, dan termasuk juga ke dalam pengertian



itu ialah menjaga masjid daripada apa-apa yang tidak menjadi tujuan bagi pembinaannya. Seterusnya Yusof al-Qardawi (1970) memberi definisi memakmurkan masjid sebagai mendirikan solat di dalamnya, berdoa, berzikir dan menegakkan syiar Islam manakala Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Zamri Ghazali (2009) menjelaskan bahawa pengimarahkan masjid merujuk kepada masjid sebagai tempat ibadat, tempat persidangan harian, mingguan dan tahunan, tempat penyebaran ilmu pengetahuan. Oleh itu memakmurkan masjid didefinisikan sebagai melakukan sebarang usaha untuk memajukan institusi masjid sebagai agen pembangunan. Justeru, orang yang beriman sahaja yang akan memakmurkan masjid- masjid terutamanya golongan belia sekalipun kerana mereka akan melihat tawaran ganjaran pahala yang banyak serta hidayah Allah s.w.t. kepada mereka.

## ***ii. Pengimarahkan punca kerahmatan***

Masjid merupakan kawasan terbaik di muka bumi ini. Allah s.w.t. akan memberi kerahmatan bagi mereka yang sentiasa mengimarahkannya dengan aktiviti pengajian ilmu seperti hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud :

*“Tidak ada bagi sesuatu kaum yang berhimpun di rumah Allah (masjid) untuk membaca al-Quran dan mempelajarinya melainkan diturunkan kepada mereka ketengan, dilindungi dengan kerahmatan, dinaungi oleh malaikat dan Allah akan menyebut mereka bersama-sama di dalamnya”.*

(Riwayat muslim)

Masjid adalah rumah Allah s.w.t Sesiapa yang datang ke masjid merupakan tetamu Allah dan mereka yang mengunjungi rumah Allah ini akan mendapat kerahmatanNya. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Baginda Rasulullah s.a.w. menyatakan bahawa terdapat tujuh golongan yang akan dilindungi Allah di bawah rahmatNya pada hari yang tiada perlindungan selain daripada lindungan Allah iaitu:

- i. Imam (pemerintah) yang adil*
- ii. Pemuda yang menggunakan masa mudanya untuk mengabdikan diri kepada Allah*
- iii. Lelaki yang hatinya saban waktu berada di masjid*
- iv. Dua lelaki yang mengasihi satu sama lain kerana Allah. Mereka berkumpul dan berpisah semata-mata kerana Allah.*
- v. Lelaki yang cuba digoda oleh wanita bangsawan lagi jelita, lalu berkata. “Aku takut akan Allah.”*
- vi. Lelaki yang memberi sedekah secara sembunyi sehingga tangan*

*kirinya tidak tahu apa yang diberikan oleh tangan kanannya.*

vii. *Lelaki yang mengingati Allah s.w.t dengan bersunyi diri sehingga berlinang air matanya*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Oleh itu, golongan belia sepatutnya banyak menghabiskan masa di masjid, kerana masjid merupakan tempat di mana iman mereka akan meningkat dan jiwa mereka akan tenang. Apabila golongan belia berada di tempat kerja atau sebagainya, mereka akan merindui untuk hadir ke masjid. Sekiranya keadaan ini berlaku pada setiap belia maka sudah pasti mereka adalah salah satu golongan yang telah dijanjikan Allah s.w.t di bawah perlindungan-Nya pada hari akhirat kelak.

### **iii. Pengimaran teras hubungan kemasyarakatan**

Persaudaraan merupakan asas kepada interaksi sosial terutamanya sesama umat Islam. Dalam konteks kehidupan berjemaah adalah sangat dititik beratkan dalam Islam demi kelangsungan kehidupan manusia memenuhi tuntutan persaudaraan tersebut. Masjid merupakan manifestasi kepada aktiviti-aktiviti sosial masyarakat. Ibadah-ibadah yang berbentuk jemaah digalakkan untuk dibuat di masjid bagi melambangkan syiar persaudaraan tersebut. Melalui hubungan kemasyarakatan ini, masjid telah menjadi tempat untuk berkenal-kenalan kerana melalui interaksi sosial ini membuah jiwa persaudaraan Islam yang kukuh dan kental.

*“Simak bin Harb meriwayatkan bahawa Jabir bin Samurah menceritakan; “Rasulullah s.a.w. tidak bangun dari tempat solatnya yang dilakukan solat subuh di situ sehingga terbit matahari. Apabila matahari naik, baginda akan bangun sedangkan para sahabat berbual-bual menceritakan keadaan masing-masing pada waktu jahiliah, lalu mereka akan ketawa tetapi baginda hanya tersenyum sahaja”.*

(Riwayat Muslim)

Rasulullah s.a.w. telah menjadikan institusi masjid pada zamannya sebagai pusat pertemuan, perayaan, kebajikan, perdamaian dan sebagainya. Dalam sejarah, Rasulullah s.a.w. menjalinkan persaudaraan dan proses pendidikan dengan ahli Suffah yang tinggal di sekitar masjid nabawi dan kerap mengadakan pertemuan sosial dan penguasaan ilmu pengetahuan. Justeru golongan belia harus merebut peluang yang ada melalui aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan di masjid di samping itu juga dapat saling berkenalan antara satu sama lain di samping mengukuhkan lagi persaudaraan dalam Islam.

### ***Cadangan Pengimarahkan Masjid Untuk Belia***

Dalam usaha menjadikan masjid diimarahkan oleh golongan belia, penulis mencadangkan beberapa langkah yang wajar dipertimbangkan antaranya ialah:

#### ***i. Mendekati golongan belia melalui aktiviti anjuran masjid***

Aktiviti seperti sukan, rekreasi, hiburan, aktiviti lasak yang bersesuaian dan tidak bertentangan dengan syariat Islam harus diwujudkan di masjid-masjid dalam menarik minat belia untuk mendekatkan diri dengan institusi masjid. Menurut Suhaila et al. (2008), pihak masjid perlu menjalankan aktiviti belia dengan kerjasama persatuan, pertubuhan dan kumpulan-kumpulan tertentu secara langsung dengan lebih kerap lagi. Pengisian berbentuk kerohanian boleh diselitkan dalam aktiviti tersebut supaya belia dapat menyebarkan dan memanfaatkan dalam kalangan rakan-rakan sebaya mereka. Penganjuran aktiviti yang kreatif perlu mengambil kira aspek adat, budaya dan unsur kenduri bagi menarik minat belia menyertai aktiviti keilmuan. Misalnya mengadakan kelas Bahasa Arab dengan menganjurkan aktiviti mencipta irama Malaysia dalam Bahasa Arab. Selain itu, menganjurkan gotong-royong memasak atau menyediakan bubur Asyura sebelum sesuatu program ceramah diadakan (Mohd Mahzan et al. 2008). Jiwa golongan belia yang mendapat pendedahan kerohanian secara tidak langsung akan menimbulkan keinsafan dan titik perubahan dalam jiwa mereka.

#### ***ii. Meningkatkan Kemahiran Pengurusan masjid***

Pengurusan masjid hendaklah diuruskan secara sistematik dan teratur. Pihak pengurusan masjid hendaklah menjadi role model (contoh teladan) kepada masyarakat menerusi kemahiran mengurus, mentadbir, bersikap amanah, rajin, jujur, istiqamah dan telus. Ini penting kerana daya tadbir institusi masjid yang cekap akan menyerlahkan imej kehebatan Islam. Selain itu, masjid juga perlu memiliki sebuah pusat sumber yang terurus dan sistematik bagi memperluangkannya sebagai institusi sosial yang menjalankan fungsi penyebaran ilmu. Pusat Sumber tersebut hendaklah dibekalkan dengan pelbagai bahan berunsur agama dan ilmiah bagi memudahkan para pelajar, remaja mahupun masyarakat setempat membuat rujukan termasuklah mengadakan perkhidmatan langganan perpustakaan digital. Pihak kerajaan harus menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk pembangunan masjid yang pelbagai fungsi. Institusi masjid perlu dilengkapi dengan kemudahan dewan dengan kelengkapan media elektronik, siber cafe dan padang permainan dalam usaha menarik golongan belia ke masjid (Suhaila et al. 2008). Dalam setiap program yang dijalankan, pihak penganjur perlu menjadikan solat fardu sebagai agenda utama kerana berada dalam persekitaran masjid.

### ***iii. Mewujudkan Hubungan Dua Hala Dengan Institusi Masjid Yang Berhampiran***

Hubungan dua hala di antara institusi keagamaan amat penting sebagai satu usaha mengimarahkan masjid serta dapat menggerakkan usaha dakwah secara menyeluruh. Institusi masjid atau surau merupakan jaringan yang dapat mengeratkan usaha-usaha pembangunan modal insan yang sempurna. Menerusi hubungan dua hala ini , pelbagai aktiviti dapat dilakukan bersama seperti aktiviti penyelidikan, pengumpulan data dan maklumat, forum, program pertukaran imam dan bilal, program pembangunan sahsiah remaja, program pengagihan zakat dan sebagainya. Selain itu, pembangunan komuniti dapat dilakukan dapat dilakukan sekaligus dapat meningkatkan ukhuwah Islamiah dalam kalangan masyarakat ( Mohd Mahzan et al. 2008)

## **PENUTUP**

Peranan masjid sangat penting dalam proses untuk mengangkat martabat belia untuk menjadi *khairu ummah*. Semua pihak harus saling berperanan untuk mengangkat semula masjid sebagai pusat pendidikan Islam untuk semua terutamanya golongan belia di samping ia boleh menjadi landasan supaya menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang mengamalkan amalan-amalan Islam mengikut al-Quran dan Al-Sunah. Pengimarahkan masjid oleh belia amat penting sekali supaya tradisi yang murni ini adalah merupakan kesinambungan budaya Islam yang telah dirintis oleh golongan para nabi dan sahabat terdahulu yang menjadi obor kepada kegemilangan ummah pada masa yang akan datang. Justeru, golongan belia harus dipandu dan dipimpin untuk melakukan satu anjakan paradigma dalam membuat perubahan dalam kehidupan seharian terutamanya untuk merebut kebahagiaan duniawi dan kesejahteraan ukhrawi yang kekal abadi.

## **RUJUKAN**

Al-Quran

Abdul Halim Nasir. 1984. *Masjid-masjid di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Abdullah Ishak. 1985. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Adnan Mat Junoh. 2009. *Pemantapan Integriti Melalui Penyertaan Dalam Pembelajaran Non-Formal*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.
- Al-Ansari. 1993. *Al-Ta'lim fi al-Madinah al-Munawwarah*. Al-Qahirah: Dar al-Manar.
- Al-Azawe, Abed Al-Sater.1998. *Masjid al-Daleel*. The United Arab States: Al- Shareka, p.10-20
- Al-Munjid fi Lughah al-Arabiah al-Ma'asirah*. 2001. Bayrut: Dar al-Masyriq
- Al-Naqib. 1984. *Buhuth fi al-Tarbiyah al-Islamiyah*. Jil. 2. Qahirah: Dar al-Fikr.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1970. *Al-Ibadah Fi Al-Islam*. Beirut; Muassasah al-Risalah
- Ayub Ali. 1980. Crisis in Muslim Education: Dichotomy Of Tradition And Modern Systems. *Kertas kerja Seminar Antarabangsa, Pendidikan dan Kebudayaan dalam Dunia Islam*, 22-23 Mac 1980, Dacca, Bangladesh, h.9.
- Che Norliza Bt Sulong.2004. *Peranan Institusi Masjid ke Arah Pemantapan Akidah dan Pembangunan Ummah: Kajian di Kuala Terengganu*. Tesis Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dasar Pembangunan Belia Negara*.1997. Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Hassan Langgulung. 1977. Masalah-Masalah Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan* 5:44-56.
- Hatim Mahamid. 2009. Mosques As Higher Educational Institutions In Mamluk Syria. Dalam Farhan Nizami (et al., 2009). *Journal of Islamic Studies*, Oxford University Press.
- Haykal, Muhammad Husain. 1976. *The life of Muhammad*. Ismail Ragi A. al-Faruqi ( Terj.) USA: American Trust Publication.

- Ibn. Manzur.t.th. *Lisan al-Arab*. Al-Qahirah: Dar al-Maarif
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2007. Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran. Johor UTM, Skudai.
- Kinnany. 1980. "Producing teacher for Islamic Education" di dalam Curriculum and Teacher Education. Jeddah: King Abdul Aziz University.
- Lokman Ab. Rahman, Musa Ahmad.1996. *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*. Majlis Agama Islam Melaka & Kolej Islam Melaka
- Lokman Ab. Rahman. 2000. *Imarah Masjid Masa Kini*, Jabatan Agama Islam Melaka, Majlis Agama Islam Melaka. Melaka. percetakan Surya Sdn. Bhd.
- Maimon Aqsha Lubis. 2010. *Peradaban Islam & Tamadun Dunia*. Bangi:Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Zamri Ghazali. 2009. Institusi Masjid Sebagai Pemangkin Pembangunan Ummah. Dalam Isu-isu Pengurusan Masjid. Kota Bharu: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri.
- Mohammad Tajuddin Mohamad Rasdi. 2000. *The Architectural Heritage Of The Malay World The Tradisional Mosque*. Skudai : Penerbit UTM.
- Mohd Jamil Mukmin.1994. Dasar Belia Negara: Satu Tinjauan. Kuala Lumpur: Majlis Belia Malaysia (MBM).
- Mohd Mahzan Awang, Sayuti Abd Ghani, Che Pee Saad & Md. Sabri Adnan.2008. Surau Sebagai Institusi Sosial ke Arah Pembangunan Insan; Kajian Kes di Institut Pengajian Tinggi. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-6*, hlm 91-99.
- Mohd Razali Harun & Sarjit S. Gill. 2010. Penyertaan Belia dalam program pembangunan Komuniti di Felda Jerangau, Terengganu. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 3:257-276
- Mohd Yusuf Ahmad. 2004. *Falsafah dan sejarah pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Muhammad Rawwas Qalaji & Hamid Sadiq Qunaibi. 1985. *Mukjam al-Lughat al-Fuqaha'*. Beirut: Darul Nafais.
- Muhammad, Su'ad Mahir, t.th. *Masjid Misr Wa Awliya al-Solihin*, Kaherah : Misr al Arabiyyah, h.29
- Serageldin, Ismail and Steele, James. 1996. *Architecture Of Contemporary Mosque*. London: VCH Publishing Group, p.8-10, 17-20, and 145-153
- Shaikh Ali Mohammad Mokhtar. 2003. *Peranan Masjid Dalam Islam*. Kuala Lumpur: YADIM.
- Shalaby. 1981. *Tarikh Al-Islami Wa Al-Hadharah Al-Islamiyah*, cet 9. Qahirah: Maktabah al-Nahdhah al-Masriyah.
- Sidek Baba. 2010. *Dari jendela Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Mashitoh Mahmood. 2004. *Pengurusan Masjid menurut Perspektif undang-undang di Malaysia*. Prosiding Seminar Pengurusan masjid 2004. Anjuran Pusat Islam Jabatan Hal Ehwal pelajar UUM. Langkawi, 25-27 September.
- Suhaila Abdullah, Mohd Nizam Sahad, Jasni Sulong & Mohd Farid Mohd Sharif. 2008. Peranan Masjid Negara dalam Membangunkan Modal Insan Remaja Lestari. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-6*, hlm 177-183.

**Profil Penulis**

*Bani Hidayat bin Mohd Shafie ,  
Calon PhD (Pendidikan Islam),  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
bani\_3738@yahoo.com*

*Nor Hayati Fatmi bt Talib,  
Calon PhD (Penilaian dan Pengukuran),  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
yati\_6709@yahoo.com*

*Prof. Madya Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri,  
Jabatan Amalan dan Perkaedahan,  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor .  
tamuri67@yahoo.com*

*Ahmad Tarmizi bin Talib, PhD  
Pensyarah Kanan,  
Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan,  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
tarmizi@putra.upm.edu.my*